

PENYERTAAN PASUKAN UniMAP KE KEJOHANAN LIGA PAINTBALL KEBANGSAAN MALAYSIA 2008

Liga Paintball Kebangsaan Malaysia 2008 telah kembali lagi dan pada kali ini pasukan UniMAP telah menghantar satu pasukan yang telah menyertai kejohanan ini pada 31 Oktober 2008 hingga 2 November yang lalu. Pada kejohanan kali ini Pasukan Paintball UniMAP telah menghantar 2 orang pegawai dan 5 orang pemain untuk kejohanan ini. perlawanan yang berlangsung di Akademi Paintball Malaysia, Komplek Sukan Astaka, Petaling Jaya, Selangor yang mana pasukan UniMAP telah menyertai bagi kategori jemputan Divisyen 4.

Pada penyertaan buat kali pertama ini pasukan paintball UniMAP telah memenangi 5 perlawanan dan 4 kekalahan dan seterusnya berjaya menduduki tempat keempat kejohanan ini. Pengurus pasukan iaitu Mohammad Tarmizi Abd Razak berpuas hati akan prestasi anak buahnya yang buat kali pertama menyertai kejohanan ini. Kejohanan ini adalah merupakan peringkat Kebangsaan dan rata-rata pasukan yang mrenyertai adalah merupakan pasukan yang berpengalaman dan hebat di seluruh Malaysia. Diharap dengan menyertai banyak lagi kejohanan maka akan dapatlah menghasilkan satu pasukan yang mantap dan terbaik pada masa akan datang. Antara staf



yang mewakili UniMAP adalah Mohd Norhezman Rosli, Mohamad Hamdan Abdul Hamid, Wan Ahmad Aznir Idrus serta Mohd Khairi Johari dan seorang pelajar tahun 3 PPK Bahan Muhammad Khubaib Ahmad Shukri. Teruskan perjuangan menaikkan nama UniMAP pada masa akan datang.